



Headline	UniKL resah jumpa TNB, Maybank		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	29 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	23	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 500
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,500

UniKL resah jumpa TNB, Maybank

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8476057570&z=1600249527](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8476057570&z=1600249527)

KUALA LUMPUR - Saingan Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) minggu ini bakal menjadi laluan sukar buat Universiti Kuala Lumpur (UniKL) untuk mendapatkan mata perlawanan apabila dijadual menentang dua pasukan gergasi liga iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Maybank di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil. Pada Jumaat ini UniKL bakal berdepan TNB yang kebanyakan dibarisi pemain skuad kebangsaan manakala Ahad pula dijadual menentang pasukan tangga teratas, Maybank. Malah, jurulatih UniKL, Arul Selvaraj turut mengakui lawan yang bakal dihadapi minggu ini amat hebat dan cukup memadai jika pasukannya sekadar meraih satu mata dalam setiap perlawanan itu. Ketika ini, UniKL mengumpul tiga mata selepas dua perlawanan yang menyaksikan kelab itu menang ke atas Nur Insafi Warriors 2-1 Ahad lepas. "Saya tidak boleh biarkan kami tewas dalam dua perlawanan itu dengan keputusan jaringan yang besar dan jika kami dapat seri menentang dua pasukan itu ia umpama bonus buat kami. "Kita perlu berhadapan dengan fakta kerana TNB dan Maybank adalah dua pasukan yang berada di atas kami. "Sebagai contoh TNB banyak mempunyai pemain kebangsaan manakala Maybank mempunyai bahagian tengah yang cukup sempurna dengan gandingan Shakeel Abbasi dan Shafqat Rasool," kata Arul. Dalam pada itu, Arul berkata, UniKL mempunyai beberapa pemain muda berbakat besar seperti kaptan Baljit Singh dan S. Selvaraju yang mampu membantu pasukan "Pemain perlu mula mempercayai diri sendiri dan keupayaan masing-masing kerana masalah utama mereka adalah kurang keyakinan. "Saya harap perlawanan besar sebegini mampu memperbaiki prestasi mereka dan apa yang harus pemain lakukan selepas ini adalah melangkah ke atas padang dengan keyakinan," kata Arul.